

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH RAUB PAHANG

Oleh

KHAIRATUL AFIDA ABD RAZAK  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Dan Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2005



# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH RAUB PAHANG**

**OLEH**

**KHAIRATUL AFIDA BINTI ABD RAZAK  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

1100045444

**KHAIRATUL AFIDA BINTI ABD RAZAK**  
**SARJANA MUDA PENGURUSAN**  
**(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN


Dengan ini saya Khairatul Afida Binti Abd Razak (**UK7854**) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

b/p   
SA, KHAYU BINTI MOHD. SANI  
**Nama: Khairatul Afida Binti Abd Razak**

Tarikh: 20.11.2005.

Disahkan oleh:

  
\_\_\_\_\_

**Tuan Haji Razali bin Abdullah**

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Bersyukur saya ke hadrat Allah S. W. T kerana dengan limpah kurnianya dapat juga saya menjalani Latihan Industri di Organisasi Pejabat Daerah dan Tanah, Raub, Pahang dengan jayanya setelah melaluinya selama 12 minggu bermula dari 21 Mac 2005 hingga 10 Jun 2005. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Penyelia KUSTEM saya iaitu Tuan Haji Razali Bin Abdullah yang banyak memberi dorongan, nasihat, tunjuk ajar serta bimbingan kepada saya selama ini.

Ucapan terima kasih setinggi-tingginya saya ucapkan kepada Encik Baharudin bin Mohd Yusop (Pegawai Daerah Raub) dan Encik Adnan bin Ibon (Ketua Penolong Pegawai Daerah) merangkap Ketua Bahagian Pelupusan Tanah pejabat ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Zuhdi bin Mohd Hussin selaku penyelia industri kami di sana dan yang juga merangkap sebagai Ketua Pembantu Tadbir N22(P) di Unit Pelupusan Tanah kerana banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan selama saya menjalani Latihan Industri di pejabat ini.

Jutaan terima kasih juga kepada anggota PDTR yang lain kerana memberi kerjasama yang padu serta layanan yang mesra kepada saya semasa menjalani Latihan Industri ini. Tidak lupa juga teristimewa buat keluarga yang tersayang, yang banyak berkorban dan tidak jemu memberi dorongan kepada saya demi memastikan saya dapat menjalani Latihan Industri ini dengan jayanya.

Sekian, Terima Kasih.

## **ISI KANDUNGAN HALAMAN**

Pengesahan Keaslian Laporan.....	ii
Penghargaan.....	iii
Isi Kandungan.....	iv-v
Senarai Rajah.....	vi
Ringkasan Eksekutif.....	vii

### **BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI**

1.1	Pengenalan.....	1
1.2	Latar Belakang Organisasi.....	2-5
1.3	Maklumat Organisasi.....	5-7
1.4	Carta Organisasi.....	8-10
1.5	Aktiviti Organisasi.....	11-13
1.6	Piagam Pelanggan PDTR.....	13-16
1.7	Perkhidmatan Yang Disediakan dalam PDTR.....	16-23
1.8	Pelupusan Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965 ( Akta 56/1965 ).....	24-26
1.9	Kemahiran Yang Dipelajari.....	26-30
1.10	Matlamat Yang Dicapai Dalam Latihan Industri.....	30
1.11	Kesimpulan.....	31

### **BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH**

2.1	Pengenalan.....	32
2.2	Mengesan Sistem Yang Ada.....	32-36
2.3	Mengenalpasti Masalah.....	36-39
2.4	Cadangan Penyelesaian.....	39-46
2.5	Implikasi.....	47-48
2.6	Kesimpulan.....	49

### **BAB 3 : PENUTUP**

3.1	Lakaran Pengharapan Terhadap Pendekatan Yang Diambil Untuk Menyelesaikan Masalah.....	50-51
-----	--	-------

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1 : Pelan Lokasi Pejabat Daerah dan Tanah Raub (PDTR)

Rajah 1.2 : Carta Organisasi Pejabat Daerah dan Tanah Raub

Rajah 1.3 : Carta Organisasi Unit Pelupusan Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah  
Raub



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sepanjang berada di Pejabat Daerah dan Tanah Raub sebagai pelatih Latihan Industri, penulis dapat mengenalpasti beberapa masalah yang terdapat di organisasi ini khususnya di Unit Pelupusan Tanah. Secara umumnya, terdapat empat masalah yang utama yang dihadapi oleh organisasi ini. Masalah yang pertama adalah berkaitan dengan masalah tenaga kerja. Masalah yang kedua adalah masalah pengurusan dan sistem yang kurang cekap. Masalah yang seterusnya ialah masalah disiplin di kalangan kakitangan dan beberapa masalah lain lagi iaitu seperti sistem fail yang digunakan secara manual dan fail-fail yang telah lapuk serta tertanggung pemrosesannya yang dapat dikenalpasti di unit ini.

Berdasarkan kepada masalah tenaga kerja, antara masalah yang dikenalpasti adalah seperti masalah organisasi pejabat yang memerlukan pengemaskinian dan penyusunan semula penjawatan jabatan, masalah kakitangan yang tidak bersetuju dengan kaedah pusingan kerja, masalah tiadanya tindakan pemulihan terhadap kakitangan-kakitangan yang mempunyai masalah peribadi atau disiplin serta masalah kakitangan yang tidak atau kurang cekap dan berpengalaman.

Seterusnya, masalah pengurusan dan sistem yang kurang cekap pula adalah seperti masalah tatatertib, masalah tentang fail-fail permohonan tanah yang telah lama tidak diproses dan tertanggung, Fail Meja kakitangan yang masih di takuk lama dan Draf Manual Kerja yang tidak tersusun serta tidak mengikut perubahan masa dan masalah kekeliruan di kalangan kakitangan tentang kod etika kerja. Di samping itu, masalah disiplin pula adalah terdiri daripada masalah kakitangan merokok dalam pejabat dan kakitangan yang tidak mematuhi masa yang ditetapkan kad perakam waktu atau kelewatan datang ketempat kerja.

Selain itu, sepanjang pelatih menjalani Latihan Industri di organisasi ini, pelatih telah dapat mengenalpasti beberapa sistem sedia ada, mempelajari beberapa kemahiran dan mendapat latihan dalam beberapa aspek penting. Antaranya mempelajari kemahiran berkomunikasi dengan pelanggan, mempelajari kemahiran membuat Draf Manual dan Fail Kerja serta mempelajari kemahiran menyediakan surat rasmi tentang urusan yang berkaitan tentang pelupusan tanah. Pelatih juga turut dilatih tentang aspek menyediakan minit mesyuarat.

Sistem ini dapat membantu organisasi untuk mencapai pengurusan kerja yang lebih sistematik. Oleh itu, sistem yang digunakan sekarang harus dikekalkan dan diperbaiki dari semasa ke semasa agar ia sesuai dengan perubahan masa. Secara ringkasnya, Latihan Industri ini telah memberikan pengalaman yang begitu berharga kepada pelatih sebelum menempuh alam pekerjaan yang sebenar kelak. Latihan Industri ini juga telah memberi banyak peluang kepada pelatih untuk mempelajari pelbagai aspek pentadbiran dan pengurusan pejabat khususnya di Unit Pelupusan Tanah.